

'Terima kasih Malaysia'

BH 4/9/03

KUALA LUMPUR: "Terima kasih Malaysia. I love Malaysia (Saya sayang Malaysia)." Demikian antara kata-kata akhir kanak-kanak Iraq, Yasmine Wa'adi Mahltoor, 9, mangsa perang Iraq, yang dijadualkan pulang ke tanah airnya Sabtu ini.

Beliau berkata demikian di hadapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaacob dan Pengarang Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd, Datuk Ahmad A Talib, pada satu pertemuan ringkas di sini semalam.

Pada pertemuan itu, Yasmine yang kelihatan ceria dan gembira dengan kaki palsunya, menyampaikan kad ucapan yang ditujukan kepada semua rakyat Malaysia, yang banyak membantu sepanjang tiga bulan berada di negara ini.

Kad yang memaparkan gambar beliau berkerusi roda, pada hari pertama tiba di negara ini, berbunyi "Thank you Malaysians for giving me

hope for a better life" (Terima kasih rakyat Malaysia kerana memberi saya harapan untuk kehidupan yang lebih baik).

Yasmine, yang kudung kedua-dua belah kaki akibat peperangan, turut menyampaikan kad khusus kepada Perdana Menteri. Kad yang direka bentuk sendiri oleh Yasmine menggunakan komputer itu memaparkan bentuk hati dan tulisan berbunyi Terima Kasih Malaysia di samping ucapan '*Dear Dr Mahathir, thank you from the bottom of my heart - Yasmine Wa'adi* (Dr Mahathir, terima kasih dengan ingatan tulus ikhlas).

Beliau kemudiannya menghantar Perdana Menteri dan isteri ke kereta. Turut hadir pada pertemuan itu ialah Pengurus Besar Hotel Swiss-Garden, Raymond Yeoh dan Penyelaras Yayasan Tabung Yasmine, Hasnah Abdul Rahman; Pengerusi dan Pengerah Hospital Bersalin Cina, Tan Sri Tee Hock Seng serta S Kulasegaran.